



TEKS UCAPAN

**DATO' DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPT
JUN 2020**

**TEMA
CITRA BAHARU KPT:
MELONJAK TRADISI KEILMUAN**

**7 JULAI 2020 (SELASA)
9.00 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Mansor Bin Haji Othman
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia
Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia
Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Bin Ishak
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi

Yang Berusaha
Dr. Mohd Zabri Bin Yusoff
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar

Yang Berusaha
Tuan Rosli Bin Yaakub
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Pembangunan

Yang Berbahagia
Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

MUKADIMAH DAN EKSPRESI PENGHARGAAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama di Majlis Perhimpunan Bulanan KPT. Majlis ini begitu signifikan kerana sepanjang saya menerajui KPT, inilah pertama kali saya dapat berjumpa dengan warga KPT dalam jumlah yang ramai.
2. Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada pengurusan KPT kerana walau pun dalam tempoh yang singkat, serta berada dalam kekangan wabak Novel Coronavirus 2019 atau COVID-19, namun dapat merencana dan mengatur majlis ini dengan baik sekali.
3. Saya juga amat menghargai kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke majlis ini. Sesungguhnya majlis sebegini merupakan satu platform penting bagi menghimpunkan sebahagian besar warga KPT untuk mendengar amanat daripada pengurusan tertinggi yang diujarkan dengan hasrat dan aspirasi terkini kerajaan. Selain itu, pertemuan sebegini juga adalah sebagai satu wadah untuk semua warga berjumpa, berinteraksi dan saling kenal-mengenal antara satu sama lain meskipun berbeza bahagian dan tugas.

4. Memandangkan majlis hari ini merupakan majlis kali pertama diadakan, banyak perkara yang akan saya sentuh. Saya cuba untuk mengupas sebaiknya, demi kelangsungan dan hala tuju Kementerian secara keseluruhannya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Tidak ada sesiapa pun yang menduga bahawa tahun 2020 akan menjadi tahun yang amat menguji kita semua. Wabak COVID-19 yang bermula pada Disember 2019 di sebuah bandar yang sebelum ini kurang dikenali oleh rakyat Malaysia iaitu Wuhan di China, kini telah menjadi pandemik yang menerjah seluruh pelosok dunia. Sehingga hari ini, lebih daripada 10 juta kes telah dicatatkan di peringkat global. Daripada jumlah tersebut, seramai lebih daripada 500 ribu kes kematian telah dilaporkan.

6. Sebagai respons terhadap perkara ini, Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan strategik dalam membendung penularan pandemik COVID-19. Setelah melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), negara kini berada di fasa pemulihan PKP. Tidak dapat dinafikan bahawa pandemik ini telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan kita.

Hikmahnya, kita menjadi lebih inovatif, anjal dan dinamik serta berupaya menyesuaikan diri dari segi cara pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

QS World University Rankings 2021 dan Asia Pacific Accreditation and certification Commission

7. Tahun 2020 telah menyaksikan negara telah menempa kejayaan memberangsangkan di peringkat antarabangsa. Beberapa universiti telah menunjukkan peningkatan yang sangat positif dalam senarai kedudukan universiti yang telah dikeluarkan oleh *QS World University Ranking 2021*. Buat julung-julung kalinya, **lima buah universiti tempatan** telah menunjukkan lonjakan ketara dengan berada dalam kelompok **200 universiti** terbaik dunia dan **tiga buah universiti swasta** turut melonjak ke kelompok **500 universiti** terbaik dunia. **Universiti Malaya (UM)** misalnya telah melonjak **11 anak tangga** dari kedudukan ke-70 pada tahun lepas ke **kedudukan ke-59 tahun ini**. Turut menunjukkan kejayaan yang membanggakan ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) dari kedudukan ke-159 ke kedudukan ke-132; manakala kedudukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melonjak dari tangga ke-160 ke tangga ke-141.

Sementara itu **tiga IPTS yang turut berjaya berada dalam kelompok 500 universiti terbaik di dunia adalah Taylor's University; UCSI University; dan Universiti Teknologi Petronas (UTP). Tahniah saya ucapkan.**

8. Kejayaan ini merupakan **mani-fes-tasi terhadap kesungguhan dan komitmen pihak universiti** dalam meningkatkan kesarjanaan melalui penyelidikan serta menambah baik kualiti dan inovasi dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran di IPT. Pencapaian ini pastinya akan mendatangkan faedah secara langsung kepada negara dalam **bentuk pertambahan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti tempatan dan peningkatan kolaborasi dengan universiti terkemuka dunia khususnya dalam aspek penyelidikan.**

9. Selain itu, Politeknik dan Kolej Komuniti juga tidak ketinggalan dalam kecemerlangan dalam penarafan antarabangsa. Saya ingin merakamkan tahniah kepada 10 buah Politeknik yang berjaya memperoleh pengiktirafan akre-ditasi daripada **Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC)**. Yang membanggakan juga adalah **9 politeknik menduduki kedudukan 10 terbaik daripada 26 institusi negara anggota APACC yang memperoleh Anugerah Emas.**

Ini menunjukkan bahawa Politeknik kita adalah berdaya saing di peringkat antarabangsa dan sebagai penanda aras kecemerlangan institusi aliran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di rantau Asia Pasifik.

10. Sementara kita boleh berbangga dengan semua kejayaan ini, kita sebenarnya masih terikat dengan beberapa isu yang sentiasa menjadi perbincangan di kalangan rakyat. Ini termasuklah tahap kebolehpasaran graduan yang masih perlu dipertingkatkan khususnya dalam mendepani impak yang ditinggalkan oleh pandemik COVID-19 dan kemunculan teknologi dis-rup-tif yang turut mengubah landskap kehidupan kita secara keseluruhannya.

11. Fenomena ini dikaitkan dengan **cabaran IPT untuk memastikan kemahiran dan pengetahuan graduan yang dihasilkan berupaya memenuhi keperluan industri.** Tuntasnya, pencapaian IPT dalam penarafan antarabangsa yang memberangsangkan ini tidak seharusnya terpisah dengan agenda pemulihan dan pemerikasaan semula pertumbuhan ekonomi yang sedang giat diusahakan oleh kerajaan pada masa ini. Saya percaya melalui penetapan hala tuju dan strategi yang betul, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam penarafan dan dalam masa yang sama menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara.

PENCAPAIAN 100 HARI DI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Sidang hadirin sekalian,

12. Meskipun kita berdepan dengan impak COVID-19 dan pelaksanaan PKP, namun saya melihat KPT terus mara mengharungi cabaran dan berupaya memenuhi eks-pek-tasi pelanggan dan *stakeholder*. **Tanggal 17 Jun 2020 yang lalu genaplah 100 hari saya menerajui KPT.** Saya percaya, semua pencapaian dan kejayaan sepanjang 100 hari tersebut, adalah **hasil kerjasama semua pihak yang prihatin dan komited dengan agenda pengajian tinggi negara.** Saya bersyukur kerana dibantu oleh pasukan pengurusan yang mantap di peringkat Kementerian, Jabatan, agensi dan IPT yang sentiasa bersedia menyokong aspirasi saya dan kepimpinan negara.

13. Alhamdulillah, dalam situasi kita berhadapan dengan penularan COVID-19, kita berjaya mengurus banyak perkara. Di ruang terbatas ini, sebahagiannya yang saya dapat kongsi boleh dirangkumkan dalam **dua tema utama. Pertama; Respons Strategik terhadap COVID-19,** dan **kedua; Pemantapan Tadbir Urus IPT.**

Hadirin yang saya hormati,

RESPONS STRATEGIK KPT TERHADAP COVID-19

14. Dalam menangani impak COVID-19 dan pelaksanaan PKP, KPT di bawah tema yang pertama yakni Respons Strategik KPT Terhadap Covid-19 - adalah antara kementerian paling ke hadapan dalam **mengurus keselamatan dan kesejahteraan warganya terutama para pelajar di IPT**. Salah satu inisiatif besar yang dilaksanakan oleh KPT ialah **misi penghantaran pulang pelajar ke kampung halaman** bermula pada 27 April 2020. Ramai yang mungkin bertanya: *“What is so big deal of sending IPT students home?”*. Saya ingin nyatakan di sini bahawa cadangan menghantar pelajar-pelajar IPT pulang ini dibuat ketika PKP sedang berkuatkuasa; ketika aktiviti merentas negeri masih dilarang; dan ketika pergerakan keluar dari kampus tidak dibenarkan. Jumlah pelajar yang terlibat pula adalah besar, **hampir mencecah 60 ribu orang**. Destinasi penghantaran mereka pulang meliputi segenap pelosok tanah air dan sebahagian besarnya perlu menyeberangi Laut Cina Selatan.

15. Urusan ini tentunya memerlukan perancangan yang teliti, peruntukan kewangan yang mencukupi, penyediaan SOP yang komprehensif, pemantauan yang rapi dan penglibatan strategik merentasi pelbagai agensi kerajaan.

Namun cadangan ini saya kemukakan juga kepada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP di bawah MKN semata-mata kerana prihatin kepada situasi dan emosi para pelajar yang terpisah dengan keluarga terutama ketika bulan Ramadan dan menjelang Syawal yang lalu.

16. Akhirnya, di sebalik segala kepayahan ini, sehingga 4 Jun 2020, **sejumlah 57,565** pelajar telah berjaya dihantar pulang dengan selamatnya. Misi ini telah melibatkan **1,860 buah bas dan 137 penerbangan**. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam memastikan kejayaan besar ini.

17. Selain daripada misi penghantaran pulang pelajar, terdapat beberapa inisiatif lain yang berjaya dilaksanakan KPT seperti:

- (a) **Pertama, peruntukan sebanyak Lima Puluh Dua Juta Dua Ratus Dua Ribuan dan Empat Ratus Dua Belas Ringgit (RM52,202,412) disalurkan kepada lebih 82 ribu pelajar** yang berada di dalam kampus semasa tempoh PKP dengan memastikan makan minum mereka terjaga.
- (b) Kedua, KPT telah memberikan **bantuan secara one-off sebanyak RM200** kepada setiap pelajar IPT di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.

Bantuan ini sahaja telah melibatkan **peruntukan sebanyak Seratus Enam Puluh Lapan Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu dan Lapan Ratus Ringgit (RM168,292,800)** dan memberikan manfaat kepada **841,464 pelajar**.

- (c) Peminjam PTPTN juga telah diberi **penangguhan bayaran balik pinjaman** selama 6 bulan bermula 19 Mac 2020 hingga 30 September 2020. Inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada **1.5 juta peminjam** dengan jumlah bayaran balik yang ditangguhkan sebanyak **RM750 juta**;
- (d) KPT juga bekerjasama secara rapat dengan KKM melalui perkongsian kepakaran dan fasiliti dalam **melaksanakan ujian saringan dan menyediakan rawatan**. Sehingga 17 Jun 2020, Hospital Pengajar Universiti (HPU) berjaya membantu KKM dengan membuat **49,542 ujian saringan**, serta mengendalikan seramai **2,780 PUI (*patient under investigation*)** dan **508 pesakit yang positif COVID-19**. Perkara ini juga merupakan satu **obligasi sosial yang ditunjukkan oleh KPT**;
- (e) KPT turut menawarkan kemudahan dan fasiliti yang bersesuaian seperti di AKEPT untuk digunakan oleh MKN dan NADMA sebagai Pusat Kuarantin. Sepanjang tempoh PKP, sebanyak **661 orang** telah ditempatkan di AKEPT;

- (f) KPT juga menawarkan geran khas bagi menjalankan penyelidikan dalam 20 bidang kritikal yang dikenal pasti berkait rapat dengan masyarakat bagi menghadapi pasca COVID-19. Kementerian telah menerima sebanyak 404 permohonan dan 223 telah melepasi saringan. Daripada jumlah tersebut, 25 projek telah disenarai pendek untuk dibawa jawatankuasa pemandu dana penyelidikan KPT.;
- (g) Selain itu, Universiti-universiti awam, politeknik dan kolej komuniti turut membantu Kerajaan dengan menghasilkan lebih daripada **115 produk inovasi serta 27 sistem aplikasi pengurusan COVID-19** yang boleh dimanfaatkan rakyat.

18. Banyak yang kita telah salurkan dan banyak juga yang telah kita bersama-sama usahakan dalam memastikan segala aspek yang berkaitan Kementerian diurus-selia, dijaga dan sekaligus memastikan negara ini terus bersedia mendepani wabak yang telah memberi impak kepada bukan sahaja *stakeholders* KPT, malah rakyat di seluruh Malaysia.

Pemantapan Tadbir Urus IPT

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Di bawah tema kedua yang saya ingin sentuh adalah berkaitan pemantapan tadbir urus IPT. Kecemerlangan sesebuah institusi bertitik tolak daripada pemantapan tadbir urusnya. Wacana mengenai perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu. Malah KPT telah menyatakan perkara ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan melalui penghasilan Buku Hijau – *Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang membicarakan secara khusus mengenai tadbir urus universiti yang baik. Walau bagaimanapun, **berdasarkan penemuan Jabatan Audit Negara menunjukkan masih terdapat beberapa perkara berbangkit di IPT yang boleh dibuat penambahbaikan khususnya dalam aspek pengurusan kewangan; pengurusan projek; tadbir urus anak syarikat dan beberapa perkara lain.**

20. Justeru, KPT telah menubuhkan **Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam (Mantap IPTA)** bagi melihat perkara ini. Saya mengharapkan Jawatankuasa ini akan menjadi platform perbincangan harmoni sebagai satu keluarga antara Pengurusan Tertinggi KPT dan semua Universiti Awam dalam ikhtiar mencari solusi terbaik bagi memantapkan tadbir urus Universiti Awam.

Saya akan melihat intipati perbincangan dan cadangan penambahbaikan dari semasa ke semasa, untuk membantu saya membuat keputusan yang terbaik untuk semua.

21. Selain Universiti Awam, IPTS turut memainkan peranan penting dalam ekosistem pendidikan tinggi negara. **IPTS telah menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.** Seramai 633,344 pelajar IPTS telah menyumbang sebanyak RM31.5 bilion melalui kutipan yuran pengajian dan kos sara hidup.

22. Namun, saya sedar **ekosistem IPTS masih dikekang oleh beberapa hambatan seperti dasar dan peraturan yang kurang fleksibel, kos promosi yang tinggi dan pengurusan kewangan yang kurang mampan.** Situasi ini menjadi lebih buruk dengan impak pandemik COVID-19. Persatuan Kolej dan Universiti Swasta Malaysia (MAPCU) menjangkakan **kemasukan pelajar ke IPTS akan menurun sebanyak 84.1% dengan nilai kehilangan hasil sebanyak RM6.9 bilion.** Pada saya ini suatu jumlah kehilangan yang besar, dan kita perlu serius menanganinya.

23. Melihat kepada kepentingan IPTS terhadap pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan KPT untuk mengiktiraf pendidikan tinggi swasta sebagai **satu industri pertumbuhan ekonomi strategik**. Bagi memastikan iltizam kerajaan ini dapat dicapai, KPT telah menubuhkan satu **Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS)**. Pasukan ini akan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi IPTS serta mencadangkan penyelesaian terbaik agar IPTS dapat bergerak maju dan bersaing di peringkat global. Saya percaya komposisi keahlian dalam PEMUDAH IPTS yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan juga pihak IPTS merupakan sinergi yang sihat untuk menghasilkan preskripsi terbaik dalam memacu IPTS sebagai satu industri.

24. Jadi, ada dua tindakan utama dalam menggerakkan Kementerian ini iaitu yang pertama **Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam** dan yang kedua **Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS)**

MELANGKAH KE HADAPAN, MENGGAPAI IMPIAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

MENDUKUNG RMKe-12, MEMACU MASA HADAPAN MALAYSIA

25. Seterusnya, dokumen RMK-12 akan menjadi salah satu dokumen panduan hala tuju KPT untuk melaksanakan fungsi dan peranannya bagi tempoh 5 tahun akan datang. Antara penekanan utama KPT yang dimuatkan dalam RMK-12 ialah untuk **mengukuhkan ekosistem pengajian tinggi; memperkasakan TVET; dan mengupayakan pendidikan swasta sebagai satu industri yang berpotensi.**

26. Dalam pengukuhan ekosistem pengajian tinggi, KPT perlu memainkan peranan sebagai pencetus dalam pembangunan bakat masa hadapan yang dapat memenuhi pasaran kerja. Justeru, IPTA dan IPTS perlu memberi fokus melengkapkan pelajar dengan **kemahiran-kemahiran generasi muda masa hadapan atau *digital natives* dan *robotic natives*** yang mempunyai kompetensi tinggi untuk mendepani cabaran di era Revolusi Industri 4.0. Dalam masa yang sama, infrastruktur dan peralatan pengajian yang baik; serta tenaga pengajar yang dilengkapi dengan kompetensi semasa juga perlu disediakan.

Pembangunan bakat masa hadapan ini termasuklah pelajar kurang upaya (OKU). Pentadbiran tertinggi IPT perlu menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas untuk menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU.

27. Selain itu, **aliran pendidikan TVET turut diangkat sebagai aliran pendidikan pilihan utama pelajar**. Usaha ini digarap melalui pemantapan penjenamaan, peningkatan kualiti kurikulum, peningkatan kolaborasi dengan industri, pemantapan tadbir urus dan pertambahan penajaan kepada graduan TVET.

28. Malaysia berpotensi untuk menjadi hab kepada penawaran pendidikan swasta. Saya percaya dengan pewujudan PEMUDAH IPTS seperti yang saya nyatakan sebelum ini akan berupaya membina ekosistem IPTS yang lebih berdaya maju. Kewujudan pendidikan tinggi swasta di Malaysia berupaya **memberikan peluang yang lebih luas kepada lebih ramai pelajar mendapatkan akses kepada pendidikan tinggi yang berkualiti** dan dalam masa yang sama menyediakan mereka untuk bersaing di dalam pasaran kerja masa hadapan.

TAWARAN BAHARU KPT – NEW DEALS

29. *New deals* juga akan dijadikan sebagai *guiding principle* pelaksanaan dasar KPT. Untuk makluman semua YAB Perdana Menteri telah mengarahkan semua kementerian dala menyediakan inisiatif tertentu sebagai tawaran baharu atau new deals kepada rakyat. Dalam hal ini, KPT telah berjaya menghasilkan sebanyak **29 tawaran baharu, iaitu 16 adalah bersifat jangka pendek, dan bakinya sebanyak 13 lagi adalah bersifat jangka masa sederhana.** Semua cadangan tawaran baharu ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kluster Sosial pada 19 Jun 2020 lalu. Justeru, saya mengharapkan cadangan tawaran baharu ini hendaklah dipantau pelaksanaannya agar segala inisiatif yang ditawarkan dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan mencapai objektif yang telah digariskan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MEMPERKUKUH KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN MENDUKUNG AGENDA KEUSAHAWANAN

30. Saya melihat agenda kebolehpasaran graduan dan keusahawanan perlu diberi perhatian lebih serius lebih-lebih lagi dalam mendepani landskap kemelesetan ekonomi global.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran telah mengalami peningkatan mendadak daripada 3.3% pada bulan Februari 2020 kepada 3.9% pada bulan Mac 2020. KPT turut menjangkakan seramai 75,000 graduan khususnya yang akan bergraduasi pada 2020 akan turut terkesan.

31. Berdasarkan senario ini, **saya mahu agenda keusahawanan di IPT diperkasa, diberi wajah dan pengisian baharu yang lebih segar agar dapat melahirkan usahawan graduan yang berdaya maju serta memiliki ketahanan minda dalam mengharungi dunia kerjaya yang semakin mencabar.** Salah satu ikhtiar untuk mencapai perkara tersebut ialah IPT perlu **menyemak semula kurikulum dan program akademik masing-masing supaya dimensi keusahawanan dapat di arus perdanakan.**

32. Selain itu, saya juga mengharapkan KPT dapat mengambil inisiatif untuk **menggandakan usaha fasilitasi kepada graduan** untuk mereka mendapatkan kemahiran baharu atau meningkatkan kemahiran sedia ada melalui pelaksanaan program *reskilling* dan *upskilling*, di samping menumpukan kepada usaha membuat padanan dengan kosongan jawatan di industri. Usaha ini boleh dijayakan melalui **pendekatan kolaborasi strategik** dengan agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi atau mana-mana badan yang berkaitan.

33. Dalam kita beransur pulih pasca Covid-19 ini, KPT akan sentiasa mengukuhkan ekosistem pengajian tinggi dalam memastikan masa hadapan Malaysia yang lebih bermakna. Kita sedang menyusun satu anjakan baru Kementerian yang diharap dapat membina sebuah generasi yang lebih cemerlang dan berdaya saing agar Malaysia yang kita cintai ini, gemilang dengan produk pengajian tinggi yang hebat dan graduan yang berkualiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

34. Sepanjang perjalanan saya menerajui kementerian ini, kita telah berjaya meraih beberapa pencapaian, hala tuju dan strategi penting KPT. Saya percaya, saya tidak mampu bergerak bersendirian untuk menjayakan semua aspirasi yang diilhamkan, tetapi saya memerlukan sokongan semua pihak sama ada di Kementerian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian, Universiti Awam, IPTS, Politeknik dan juga Kolej Komuniti.

35. *Please be with me on this.* Segala keputusan yang saya ambil perlu dokongan anda semua dan saya mahukan warga KPT untuk bergerak dengan pantas dalam menjalankan segala agenda Kementerian yang telah kita gerakkan bersama.

Sekarang, kita bukan sahaja *walk the talk* tetapi kita perlu berlari dalam mengecapi matlamat yang saya telah sebutkan tadi.

36. Dalam masa yang sama, saya inginkan warga Kementerian sekiranya ada pandangan atau idea-idea yang boleh memberi kelebihan kepada rakyat Malaysia, khususnya kepada *stakeholders* kita – maklum kepada saya atau pegawai-pegawai saya. *I want everyone to have the sense of belonging* kerana Kementerian ini adalah milik kita semua.

37. Akhir kalam, saya ingin memetik kata-kata Drew Gilpin Faust yang merupakan Presiden Universiti Harvard ke-28 dan wanita pertama yang berkhidmat dalam peranan itu, ***“Higher education is the strongest, sturdiest ladder to increase socio-economic mobility”***.

Sekian, Wabillahitaufik, Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.